5 Dasar Ekonomi Baru memberi penekanan kepada sektor perindustrian.

Bagaimanakah sektor tersebut dapat ditingkatkan setanding dengan negara maju .

F1 - Memastikaan negara mempunyai modal yang besar	1
H1a - dengan cara menggalakkan kemasukan lebih banyak pelabur2 dari luar.	1
C1a - dengan cara melonggarkan syarat pelaburan dari luar	1
F2 - Menambah dan melengkapkan lagi kemudahan infrastruktur	1
H2a - untuk melicinkan lagi urusan eksport dan import	1
C2a - lapangan terbang, lebuhraya dan pelabuhan	1
F3 - Menyediakan bekalan tenaga buruh yang mencukupi	1
H3a- melalui pembinaan lebih banyak sekolah kemahiran	1
C3a - seperti sek teknik, ILP, dan pusat giat mara.	1
F4 - Kerajaan juga perlu menyediakan bekalan tenaga buruh mahir/ pakar yang mencukupi	1
H4a- melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi	1
C4a - seperti universiti,dan politeknik.	1
F5 - Penggunaan teknologi moden yang terkini	1

H5 - untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti barang yang dihasilkan	1
C5a - seperti penggunaan mesin2 yang canggih.	1
F6 - Memperbanyakkan program penyelidikan dan pembangunan	1
H6 - untuk menghasilkan ciptaan2 baru atau teknologi baru.	1
F7 - meningkatkn nilai integriti rakyat	
H7a - kerajaan perlu menerapkan nilai murni dlm kalangan rakyat khussnya pegawai kerajaan	1
C7 - cthnya nilai kerajinan, amanah dan cekap	1
H7b - Pengusaha syarikat perkilngn perlukan pegawai kerajaan yg cekap dan amanah utk mngruskn hal import dan eksport barang	1
F8 - mnerokai pasaran baru	1
H8 - menghantar rombongn/misi perdagangan keluar Ngara/ menyertai ekspo2 antarabangsa utk perkenalkan barang buatan Malaysia.	1
C8 - contohnya Lembaga kemjuian perindstrian Malaysia , pusat dan eksport Malaysia , dan pesuruhjaya perdagangan	1
H8b memainkan peranan menyebar maklumat kpd ahli perniagaan di luar ngara	1

(mana-mana munasabah)

| Jumlah markah | 10 markah

6 **Huraikan cabaran yang dihadapi dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.**

Cadangan jawapan

F1 Kekurangan pekerja mahir 1

H1a akan melambatkan proses pembinaan negara maju 1
C1a Sektor pembinaan dan perkilangan 1

F2 Mata wang 1

H2a Ketidakstabilan mata wang akan menyebabkan kos pembinaan dan penyelenggarakan menjadi tinggi 1
C2a Terpaksa membayar gaji atau upah yang tinggi 1

F3 Pemimpin yang berwibawa 1

H3a	Negara mesti dipimpin oleh pemimpin yang berwibawa yang mampu memacu negara ke arah lebih maju.	1 1
C3a	bebas dari amalan rasuah, pecah amanah dan pilih kasih	1
F4 Pendidikan		
H4a	Taraf pendidikan harus ditingkatkan agar dapat bersaing dengan negara maju yang lain	1 1
C4a	Menyediakan peruntukan kewangan yang cukup untuk semua peringkat institusi pendidikan	1 1
C4b	seperti sekolah, universiti dan pusat pendidikan lain	
F5 Ancaman dalam terhadap Kedaulatan Malaysia		1
H5a	daripada gerakan pengaruh politik, agama dan kaum yang kuat	1
C5a	Fahaman politik yang tebal, pegangan agama yang fanatik dan perasaan perkauman yang tebal	1
I	ia akan menghalang negara mencapai tahap sebagai sebuah negara yang maju.	1
F6 Cabaran globalisasi		
H6a	Globalisasi merupakan perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan yang disebabkan oleh kepesatan atau kepentasan perkembangan teknologi maklumat. C6a	1 1
	Seperti teknologi industri, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi	1
I	Cabarannya perlu diawasi dan dikawal agar matlamat menjadi negara maju dicapai dengan sejajara dengan Wawasan 2020 /TN2050 .	1
F7 Perpaduan Kaum		
H7a	Malaysia merupakan sebuah negara yang didiami oleh pelbagai etnik maka keutuhan perpaduan antara kaum sangat penting untuk mencapai taraf negara maju	1 1
C7a	Semua kaum seperti Melayu,Cina, India, Kadazan, Iban dan Murut harus memahami	
	1	

7. Bagaimanakah cabaran soalan 6 boleh diatasi ?

[10]

markah]

Cadangan jawapan

F1	ialah negara perlu melahirkan lebih ramai tenaga kerja profesional tempatan	1
----	---	---

	H1a	agar dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.	1	
	C1a	Contohnya pusat-pusat pengajian tinggi tempatan telah menawarkan kursus yang sesuai dengan permintaan pasaran kerja masa kini.	1	
	H1b	Kesannya ekonomi negara akan meningkat akibat tiadanya pengangguran dan banyak peluang pekerjaan di isi oleh masyarakat tempatan.	1	
	H1c	Masalah kekurangan pekerja dalam sektor-sektor tertentu seperti sektor perindustrian, pembinaan, dan perladangan juga boleh diatasi.	1	
F2		Menstabilkan nilai mata wang Negara	1	
H2a		dengan mengurangkan nilai import dan menambah nilai eksport negara.	1	
H2c		Rakyat tempatan perlu memberi sokongan dengan membeli barang berjenama tempatan	1	
H2d		agar nilai mata wang negara tidak mengalir keluar.	1	
C2a		Contohnya membeli kereta buatan negara seperti proton dan produa.	1	
H2e		Malah negara boleh merangsang pelabur-pelabur dari negara luar datang melabur di negara kita.	1	
H2f		Syarikat-syarikat tempatan juga berpeluang melabur di negara-negara Dunia Ketiga, seperti yang dilakukan oleh Petronas di Vietnam.	1	
F3		Memilih pemimpin yang berwibawa dan berintegriti.	1	
H3a		Proses memilih pemimpin diadakan dengan adil dan telus melalui proses pilihanraya.	1	
H3b		Pemimpin yang dipilih bertanggungjawab terhadap rakyat dan Negara	1	
H3c		agar keamanan dan kemajuan negara terus gemilang.	1	
C3a		Contohnya pemimpin-pemimpin negara yang hebat seperti Tunku Abdul Rahman/ Tunku Andul Razak/Tun Hussein Onn/Tun Dr.Mahathir Muhammad/Tun Abdullah Ahmad Badawi		
F4		Menambah bilangan sekolah dan pusat pengajian tinggi tempatan	1	
H4a		Memberi pendidikan percuma diperingkat pengajian tinggi.	1	
H4c		agar rakyat diberi peluang untuk meneruskan pengajian		

Cadangan jawapan

F1	Rajin berusaha untuk mencapai kejayaan	1
F2	Perpaduan asas kejayaan	1
F3	Toleransi antara kaum	1
F4	Berusaha memajukan diri	1
F5	Kerjasama dalam pelbagai kaum / masyarakat	1
F6	Berdikari untuk memajukan diri	1
F7	Mementingkan ilmu pengetahuan / kemahiran	1
F8	Berwawasan dalam meningkatkan corak kehidupan	1
F9	Bijak mengambil peluang dalam pelbagai bidang	1
F10	Berdaya saing antara kaum	1
F11	Bersyukur dengan sumber yang sedia ada	1

(mana-mana munasabah)

- 9 **Apakah rumusan daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di negara kita .**

Pengetahuan

P1	Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970 - 1990	1
P2	Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan untuk mengatasi kelemahan Rancangan Malaya Pertama dan Kedua	1
P3	Dasar Ekonomi Baru berjaya merapatkan jurang pendapatan bumiputera dengan bukan bumiputera	1
P4	Dasar Ekonomi Baru bermula dalam rancangan Malaysia Pertama	1

Mana-mana jawapan yang munasabah diterima

Nilai-nilai murni

N1	Berfikiran jauh / berpandangan positif	1
N2	Mengutamakan perbincangan	1
N3	Bersyukur	1
N4	Bertoleransi	1

Mana-mana jawapan yang munasabah diterima

Unsur patriotism

UP1	Berusaha menjaga keamanan negara	1
UP2	Berani mempertahankan kedaulatan negara	1
UP3	Mengutamakan kemajuan rakyat	1
UP4	Hormat kepada negara	1

Mana-mana jawapan yang munasabah diterima

Harapan

H1	Rakyat Malaysia harus mempertahankan kedaulatan negara.	1
H2	Warga Malaysia harus mencapai tahap pemikiran kelas pertama.	1
H3	Malaysia terus maju dalam segala bidang	1
H4	Rakyat hidup dalam keadaan aman dan harmoni	1

Mana-mana jawapan yang munasabah diterima

BAHAN BACAAN TAMBAHAN

SEJARAH TINGKATAN 5 BAB 8-KERTAS 3 LANGKAH-LANGKAH MENGATASI MASALAH KEMISKINAN

Menyediakan peluang kepada pendidikan seumur hidup, latihan dan penambahbaikan kemahiran bagi golongan miskin bandar untuk meningkatkan keupayaan dan daya tarikan mereka supaya mudah mencari peluang pekerjaan yang lebih baik terutamanya yang menjanjikan gaji yang lebih lumayan.

Menyediakan program perumahan mampu milik yang berkualiti di kawasan bandar di lokasi yang tidak terlalu jauh daripada nukleus aktiviti ekonomi; dihubungkan dengan sistem pengangkutan awam yang murah, cekap, mudah akses, mampan dari segi alam sekitar, selamat dan boleh diharap

Pihak pengusaha menawarkan skim pembiayaan pembelian berdasarkan syarat-syarat munasabah yang tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah dan sederhana di Bandar.

Keprihatinan pihak kerajaan kepada warga emas, golongan kurang berasib baik seperti orang kurang upaya atau yang mempunyai keperluan khas, ibu tunggal dan sebagainya. Contohnya, pihak kerajaan harus berikan wang saraan dan barang keperluan kepada golongan sebegini pada setiap bulan.

Memupuk minat keusahawanan di kalangan pendudukan bandar dan desa bandar untuk menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan dan

keusahawanan sebagai langkah untuk membantu menjana pendapatan keluarga, seterusnya menangani masalah kemiskinan

Memperkenalkan banyak program latihan untuk melatih golongan-golongan belia muda bagi meningkatkan kemahiran mereka supaya boleh mendapat pekerjaan yang sesuai beserta gaji yang lumayan dengan kemahiran yang dimiliki.

Menaikan kadar gaji pekerja swasta dan kerajaan yang mempunyai gaji pokok yang sederhana supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa dan dapat menyara keluarga.

Mengehadkan kemasukan pekerja asing dan menghalang kemasukan pekerja asing secara haram supaya dapat memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat sekali gus mengurangkan kadar pengangguran.

Pihak kerajaan juga harus merangka beberapa projek untuk majukan dan membangunkan kawasan pingir bandar untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk golongan fakir miskin.

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG (RRJP)

- RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG PERTAMA (1971-1990)

1. PENDAHULUAN

1.01 Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1), 1971-90, menggariskan rangka sosio-ekonomi yang menyeluruh bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Selain daripada menentukan matlamat utama mengenai pertumbuhan ekonomi dan pengagihan, RRJP1 juga menggariskan dasar, strategi dan program bagi mencapai matlamat tersebut.

2.02 Dalam tempoh RRJP1, empat rancangan pembangunan lima tahun telah dilaksanakan. Sungguhpun dalam tempoh tersebut negara telah mencapai kemajuan ekonomi dan sosial yang membanggakan, ekonomi negara pernah melalui tahun-tahun yang penuh dengan cabaran kesan daripada batasan dan kelemahan ekonomi dalam negeri di samping ketidakpastian dan ketidakstabilan ekonomi antarabangsa. Namun demikian, ekonomi negara telah muncul dengan lebih kukuh dan kini bersedia untuk melangkah ke dekad sembilan puluhan dengan kekuatan dan ketahanan yang lebih.

II : TUJUAN DAN MATLAMAT RRJP1

Dasar Ekonomi Baru

2.03 Matlamat utama penggubalan DEB ialah untuk mencapai perpaduan negara dan membangunkan satu bangsa melalui strategi serampang dua mata iaitu membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dari segi pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum, Kerajaan sedar betapa beratnya tanggungjawab yang terlibat memandangkan bahawa pada masa RRJP1 dilancarkan hampir separuh daripada jumlah isirumah di negara ini adalah miskin. Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1970 adalah sebanyak 49.3 peratus daripada jumlah isi rumah

dan matlamat yang ditetapkan ialah untuk mengurangkannya kepada 16.7 peratus menjelang tahun 1990. Bilangan isirumah miskin yang terbesar adalah diluar bandar dengan kadar kemiskinan sebanyak 58.7 peratus berbanding dengan 21.3 peratus di kawasan bandar. Matlamat yang ditetapkan ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan diluar bandar dan bandar masing-masing kepada 23 peratus dan 9.1 peratus menjelang tahun 1990. Dari segi kumpulan etnik, Bumiputera merupakan golongan miskin yang terbesar, merangkumi 74 peratus daripada isirumah miskin di Semenanjung Malaysia pada tahun 1970. Kadar kemiskinan dikalangan Bumiputera juga adalah yang tertinggi iaitu 65 peratus berbanding dengan 26 peratus dikalangan kaum Cina dan 39 peratus dikalangan kaum India.

2.04 Dari segi paras pendapatan, pendapatan purata isirumah pada tahun 1970 ialah hanya sebanyak \$264 sebulan. Sebanyak 27 peratus isirumah memperolehi pendapatan kurang dari \$100 sebulan, manakala 31 peratus lagi diantara \$100 hingga \$200 sebulan.

2.05 Strategi serampang dua mata DEB yang kedua pula bertujuan untuk menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Matlamat ini diharap akan dapat dicapai melalui penyusunan semula corak gunatenaga, hakmilik modal saham dalam sektor syarikat dan pewujudan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

2.06 Teras utama strategi kedua DEB ini adalah untuk menyusun semula corak gunatenaga supaya menggambarkan komposisi penduduk berbagai kaum di negara ini untuk semua sektor dan semua peringkat pekerjaan dalam ekonomi. Matlamat ini penting memandangkan semasa DEB dilancarkan, struktur pekerjaan memperlihatkan ciri-ciri perbezaan yang amat ketara. Bumiputera tertumpu dalam sektor pertanian tradisional dan dalam kategori pekerjaan yang berpendapatan rendah manakala kaum bukan Bumiputera pula lebih tertumpu di sektor ekonomi moden dan di bidang profesional dan teknikal yang boleh menghasilkan produktiviti serta pendapatan yang lebih tinggi, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2-1. Pencapaian matlamat ini memerlukan usaha-usaha yang gigih ke arah meningkatkan mobiliti tenaga kerja secara meluas diantara sektor-sektor ekonomi. Penyerapan Bumiputera dalam pekerjaan baru, terutamanya di sektor perindustrian dan perkhidmatan, perlu dikekalkan pada kadar yang tinggi.

2.07 Satu lagi unsur penting dalam strategi penyusunan semula masyarakat ialah pembentukan MPPB untuk memastikan penglibatan yang berkesan individu-individu Bumiputera dalam sektor-sektor moden. Matlamatnya ialah supaya dalam tempoh satu generasi, Bumiputera dapat memiliki dan mengurus sekurang-kurangnya 30 peratus daripada semua kegiatan perdagangan dan perindustrian dalam ekonomi negara.

2.08 Dari segi penyusunan semula hakmilik modal pula, matlamat yang ditetapkan ialah untuk meningkatkan bahagian modal saham Bumiputera dalam sektor syarikat daripada 2.4 peratus dalam tahun 1970 kepada sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 1990. Untuk mencapai matlamat ini, pemilikan Bumiputera dijangka berkembang pada kadar yang pesat sebanyak 30 peratus setahun berbanding dengan jangkaan 14.5 peratus setahun bagi keseluruhan modal saham sektor syarikat

dalam tempoh yang sama. Hakmilik saham -bagi bukan Bumiputera dan rakyat asing pula dijangka berkembang pada kadar yang sederhana, masing-masing sebanyak 15.4 peratus dan 10.3 peratus setahun. Adalah menjadi matlamat RRJP1 bahawa menjelang tahun 1990, pemilikan modal saham Bumiputera dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya 30 peratus, sementara bahagian rakyat Malaysia yang lain dijangka meningkat daripada 34.3 peratus kepada 40 peratus, manakala rakyat asing pula berkurangan daripada 63.3 peratus kepada 30 peratus.

2.09 Di samping matlamat di atas, strategi penyusunan semula masyarakat adalah juga bertujuan untuk menghasilkan integrasi yang lebih kukuh antara negeri-negeri dan wilayah dalam negara. Matlamat ini dijangka dapat dicapai dengan melaksanakan berbagai strategi dan program untuk mengurangkan jurang perbezaan antara wilayah serta mewujudkan pengagihan yang lebih saksama. Untuk mencapai hasrat ini, usaha-usaha perlu dibuat bagi memperbaiki lagi peluang-peluang untuk meningkatkan kemajuan sosial dan ekonomi di kawasan-kawasan kurang maju di samping memudahkan mobiliti tenaga kerja antara wilayah dan pekerjaan. Rangka Ekonomi Makro RRJP1

2.10 Pencapaian matlamat DEB telah dirancang untuk dilaksanakan dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang pesat. Oleh itu, strategi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dibawah RRJP1 telah ditetapkan pada kadar 8 peratus setahun. Kadar pertumbuhan ini adalah perlu bagi memastikan wujudnya peluang pekerjaan yang mencukupi untuk membolehkan penyusunan semula masyarakat dilaksanakan tanpa menjadikan golongan lain di samping menyediakan khidmat sosial dan kemudahan infrastruktur yang diperlukan bagi mencapai matlamat sosio-ekonomi DEB. Dengan pertumbuhan ekonomi pada paras 8 peratus setahun, kadar pengangguran dijangka dapat dikurangkan daripada 7.4 peratus dalam tahun 1970 kepada 3.6 peratus menjelang tahun 1990, dan dengan itu mencapai paras gunatenaga penuh.

2.11 Prospek pertumbuhan ekonomi yang pesat dijangka berpunca daripada penggunaankekayaan sumber-sumber asli negara bagi mempercepatkan pertumbuhan pengeluaran pertanian serta kemajuan industri berasaskan bahan mentah. Penggerak utama kepada pertumbuhan yang pesat ialah perkembangan pelaburan swasta dan awam. Dalam tempoh tersebut, pelaburan dijangka berkembang pada kadar 9.1 peratus setahun, manakala nisbah pelaburan kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) akan meningkat daripada 17.7 peratus dalam tahun 1970 kepada 22.3 peratus menjelang tahun 1990. Pelaburan awam dijangka meningkat pada kadar 10.1 peratus setahun. Sebahagian besar pelaburan tersebut adalah bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan pembangunan luar bandar, di samping perusahaan awam yang bertujuan bagi mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian moden. Per-kembangan pelaburan awam yang pesat dijangka diikuti oleh pelaburan swasta yang lebih menggalakkan iaitu pada kadar 8.5 peratus setahun dalam tempoh tersebut.

2.12 Penggerak yang kedua bagi meningkatkan ekonomi ialah perkembangan pesat eksport negara, yang diramal akan meningkat pada kadar 7.1 peratus setahun. Perkembangan eksport ini adalah penting untuk mendapatkan pertukaran asing yang

mencukupi bagi membiayai import yang semakin meningkat, khususnya bagi tujuan pelaburan. Keluaran industri pembuatan, khususnya yang berasaskan sumber serta lain-lain industri yang mempunyai potensi untuk berkembang dijangka menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan pendapatan eksport. Eksport barang pembuatan dijangka menyumbang sebanyak 38.1 peratus kepada jumlah eksport barang dan perkhidmatan menjelang tahun 1990, berbanding dengan 12 peratus dalam tahun 1970. Import pula dijangka berkembang pada kadar 5.2 peratus setahun, selaras dengan usaha-usaha kearah penggantian import.

2.13 Tabungan negara sebagai nisbah kepada KNK dijangka meningkat daripada 14 peratus dalam tahun 1970 kepada 16.5 peratus pada tahun 1990, sejajar dengan jangkaan pertambahan pendapatan. Ini akan membolehkan sebahagian besar pelaburan yang diperlukan dibiayai melalui sumber dalam negeri. Dengan jangkaan adanya pertambahan tabungan dan pendapatan eksport bersih, masalah sumber atau tukaran asing bagi pembentukan modal dijangka tidak timbul. Seterusnya, keperluan pembiayaan daripada sumber asing untuk menampung kekurangan sumber dalam negeri dijangka kecil dan kedudukan akaun imbalan pembayaran dalam tempoh RRJP1 dijangka memuaskan.

2.14 Dalam tempoh RRJP1, perubahan besar dijangka berlaku dalam struktur ekonomi. Pertumbuhan pesat KDNK seperti yang diunjurkan akan juga diikuti oleh pemodenan dan kepelbagaiannya ekonomi negara.

2.15 Sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 5.4 peratus setahun hasil daripada usaha-usaha meneroka tanah baru dan pembangunan in-situ, peningkatan produktiviti serta tanaman baru yang bernilai tinggi di samping meningkatkan pembangunan sektor perikanan dan ternakan. Sungguhpun demikian, sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi keseluruhannya adalah lebih kecil disebabkan oleh perkembangan pesat dalam sektor-sektor lain. Walau pun peluang pekerjaan dalam sektor pertanian dijangka meningkat kadar peningkatan diramal rendah.

2.16 Sektor pembuatan akan menjadi sektor yang dijangka berkembang paling pesat dengan kadar pertumbuhan sebanyak 12.2 peratus setahun. Ini mencerminkan daya dinamis, kekuatan dan potensi sektor tersebut. Dengan perkembangan pesat ini, sektor pembuatan dijangka menyumbang lebih daripada satu pertiga peningkatan KDNK. Faktor-faktor yang menjadi asas kepada perkembangan ini termasuklah sumber asli yang banyak, tenaga kerja yang ramai, peningkatan pendapatan swasta serta potensi untuk mengeluarkan barang perantaraan dan barang modal ekoran daripada perkembangan asas industri. Di samping pertumbuhan industri berintensif buruh seperti tekstil dan elektronik yang akan menjadi penggerak kepada perkembangan sektor pembuatan, industri-industri baru termasuk industri-industri barang keluaran getah dan kayu, petro-kimia serta industri kerja logam akan muncul. Di akhir tempoh RRJP1, sektor ini dijangka menjadi sektor terbesar dalam ekonomi dengan sumbangan sebanyak 26.2 peratus kepada KDNK berbanding dengan 13.9 peratus pada tahun 1970, manakala peluang pekerjaan dalam sektor ini akan meningkat dua kali ganda daripada 8.7 peratus jumlah keseluruhan pekerjaan dalam tahun 1970 kepada 16.8 peratus menjelang tahun 1990.

2.17 Sektor perkhidmatan pula dijangka berkembang selaras dengan perkembangan keseluruhan sektor-sektor lain dalam ekonomi. Pertumbuhan pesat dijangka akan dapat dilihat terutama dalam sektor elektrik dan air serta dalam sektor kewangan, bank, insuran dan harta tanah, sejajar dengan usaha memperbaiki infrastruktur sosial dan fizikal serta pembangunan institusi.

III : PENGALAMAN MASA LALU DAN PERSPEKTIF DI MASA HADAPAN

2.64 Pencapaian matlamat pertumbuhan dan sosio-ekonomi dalam tempoh RRJP1 pada keseluruhannya adalah membanggakan. Pengajaran dan pengalaman yang diperolehi daripada usaha-usaha pembangunan yang lalu akan menjadi asas yang amat berguna untuk merumus dasar dan strategi masa hadapan. Perspektif Sosio-Ekonomi

2.65 DEB telah banyak menyumbang ke arah penyertaan yang seimbang dikalangan rakyat Malaysia dalam pembangunan negara. Oleh yang demikian, teras dasar ini akan terus dijadikan sebagai panduan dalam pembangunan negara dan dalam usaha untuk terus mengurangkan kadar kemiskinan tanpa mengira kaum dan ketidakseimbangan ekonomi untuk memastikan faedah pembangunan diagih dengan saksama. Walau bagaimanapun, perhatian yang lebih akan diberi kepada usaha mengatasi kekurangan dan kelemahan yang telah dikenalpasti dalam dua dekad pembangunan yang lalu.

2.66 Berhubung dengan usaha membasmi kemiskinan, walaupun pencapaiannya telah melebihi matlamat, masalah golongan termiskin yang akan terus wujud dalam dekad seterusnya perlu diberi perhatian. Arah aliran dan pengurusan sumber akan diperbaiki bagi memastikan kumpulan sasaran mendapat faedah yang sepenuhnya daripada usaha-usaha Kerajaan. Keutamaan akan diberi kepada peningkatan mutu kehidupan dari segi tempat tinggal dan kemudahan awam yang sewajarnya. Seterusnya masalah kemiskinan relatif juga akan di-beri perhatian yang lebih. Pembasmian kemiskinan relatif dan masalah golongan termiskin akan terus dilaksanakan tanpa mengira kaum.

2.67 Memandangkan kepada kurangnya pencapaian dari segi matlamat penyusunan semula masyarakat, usaha-usaha menyusun semula perlu ditumpukan secara lebih meluas bagi membolehkan Bumiputera memperkuatkan dan memperluaskan asas ekonomi mereka, di samping meningkatkan daya saing dan kecekapan mereka dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Usaha-usaha untuk mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera dan meningkatkan hak milik mereka dalam sektor syarikat akan terus dilaksanakan. Dalam meneruskan usaha-usaha ini, perhatian yang sewajarnya akan diberi kepada kedudukan sosio-ekonomi golongan minoriti dikalangan masyarakat Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Kekuatan dan Ketahanan Ekonomi

2.68 Tumpuan pembangunan ekonomi dalam dekad sembilan puluhan adalah untuk meneruskan pertumbuhan pesat yang telah dicapai beberapa tahun kebelakangan ini serta mengukuh dan menguatkan daya berkembang. Memandangkan pertumbuhan

ekonomi di masa hadapan akan dipengaruhi oleh perkembangan luar, langkah-langkah akan ditumpukan bagi meningkatkan ketahanan dan keteguhan ekonomi bagi mengurangkan kesan buruk ekonomi dunia. Daya penggerak kepada pertumbuhan ekonomi negara dijangka berpunca daripada perkembangan pesat aktiviti-aktiviti dalam negeri melalui peningkatan kegiatan nilai ditambah daripada sumber-sumber asli dan sumber-sumber baru yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

2.69 Usaha-usaha yang lebih giat perlu dilaksanakan bagi meningkatkan pengembangan sumber-sumber dalam negeri. Di masa lalu pertumbuhan ekonomi adalah dibiayai dari tabungan dalam negeri dan pinjaman asing. Jika negara ingin terus mengurangkan pergantungan kepada pinjaman luar negeri, sumber-sumber bagi pelaburan perlu dibiayai dari dalam negeri. Usaha-usaha meningkatkan kecenderungan menabung, dengan itu, perlu diteruskan. Pada masa yang sama, usaha untuk menarik kemasukan pelabur asing perlu dipergiatkan bagi memenuhi keperluan perkembangan pelaburan. Kecekapan Pelaburan

2.70 Sungguhpun negara telah berjaya meningkatkan pelaburan pada kadar purata 26.6 peratus dalam dekad tujuh puluhan kepada 32.1 peratus dalam dekad lapan puluhan, peningkatan tersebut tidak menghasilkan pertumbuhan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap kecekapan penggunaan modal adalah rendah. Ini antara lain disebabkan oleh sebilangan daripada pelaburan tersebut melibatkan infrastruktur fizikal dan penggunaan modal yang besar dan memerlukan tempoh yang panjang untuk mendapatkan pulangan. Dari perspektif faktor ketiga pula, kecekapan pengeluaran penggunaan teknologi baru dan keusahawanan adalah ditahap rendah.

2.71 Penekanan perlu ditumpukan kepada meningkatkan lagi kecekapan didalam ekonomi. Oleh itu, dasar-dasar akan ditumpukan kepada usaha untuk meningkatkan kecekapan modal, terutama melalui peningkatan penggunaan teknologi baru dan menambah kemahiran buruh serta pembangunan institusi dan infrastruktur. Selaras dengan langkah-langkah tersebut, usaha-usaha akan juga diambil bagi mengurangkan kesan gangguan dalam ekonomi dengan memudah dan melonggarkan lagi peraturan dan proses pentadbiran. Ia juga boleh dicapai melalui perubahan organisasi, kaedah pemasaran yang lebih baik dan pengurusan buruh yang lebih cekap.

Keteguhan Sektor Swasta

2.72 Sektor swasta dijangka memainkan peranan utama sebagai penggerak bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, diawal dekad lapan puluhan pertumbuhan sektor swasta adalah lembab dan hanya kembali teguh mulai tahun 1987.

2.73 Apabila negara melangkah ke dekad sembilan puluhan, sektor swasta akan menerajui perkembangan ekonomi. Sungguhpun dasar yang lebih fleksibel dan pragmatik merupakan teras kepada usaha-usaha Kerajaan bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta di dalam ekonomi, sektor swasta harus mengambil risiko dan mempunyai inisiatif serta berkesanggupan dalam memainkan peranan ini. Sektor swasta perlu berupaya merebut segala peluang bagi mempertingkatkan peranannya

terutama dalam menceburi bidang-bidang baru dan menggunakan teknologi yang lebih baik.

2.74 Usaha-usaha yang lebih gigih dan bersepodu perlulah diteruskan bagi memperkenal dan memasarkan keluaran negara di pasaran antarabangsa. Penekanan akan diberi kearah mempertingkatkaan kecekapan dan daya pengeluaran bagi membolehkan usahawan Malaysia menjadi terkemuka di pasaran tersebut. Selain dari itu, sektor swasta harus lebih berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada faedah perlindungan tarif yang tinggi supaya kemampuan mereka untuk bersaing dapat dikekalkan dalam jangka panjang. Pembangunan dan Rantaian di Antara Sektor

2.75 Struktur ekonomi Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara dalam tempoh RRJP1. Di samping pertukaran kearah struktur yang lebih kukuh, terdapat juga kelemahan-kelemahan dan batasan-batasannya, terutama di dalam dua sektor utama iaitu sektor pembuatan dan pertanian. Sektor perkhidmatan pula tidak berkembang sepesat yang dijangkakan.

2.76 Sektor pembuatan telah memberi sumbangan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi dan pewujudan pekerjaan. Di sebalik pertumbuhan yang pesat ini, ianya telah memperlihatkan beberapa kelemahan struktur. Pertumbuhan sektor industri masih tertumpu kepada beberapa industri seperti elektronik, tekstil dan pakaian yang bertujuan untuk eksport. Selain daripada tertumpu di kawasan perdagangan bebas, industri-industri tersebut mempunyai rantaian antara industri dan sektor yang terbatas di samping terlalu bergantung kepada kos upah yang rendah untuk terus mengekalkan daya saingan. Bagi industri-industri untuk pasaran dalam negeri pula, pertumbuhan terlalu bergantung kepada perlindungan yang tinggi, yang telah menyekat keupayaan mereka untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

2.77 Bagi sektor pertanian pula, masalah yang dihadapi oleh sektor ini adalah berpunca dari faktor-faktor luaran dan dalaman. Pada umumnya di pasaran antarabangsa, harga-harga bagi barang pertanian telah mengalami kejatuhan harga sebenar. Bagi faktor dalaman pula, masalah yang dihadapi oleh sektor ini lebih merupakan masalah struktur. Tanah yang boleh diusahakan untuk tujuan pertanian di Semenanjung Malaysia adalah terhad. Manakala di Sabah dan Sarawak pula sungguhpun masih terdapat tanah yang luas, ianya sukar untuk diusahakan memandangkan kekurangan kemudahan infrastruktur dan ini menyebabkan usaha untuk membangunkannya agak terbatas. Kegiatan pertanian juga menghadapi masalah pulangan yang rendah dan kos buruh yang sentiasa meningkat. Ini menyebabkan sumber modal dan buruh berpindah ke sektor perindustrian yang memberi pulangan dan upah yang lebih tinggi. Ini telah menimbulkan masalah seperti tanah terbiar dan kekurangan tenaga buruh di sektor perladangan.

2.78 Sektor perkhidmatan telah menunjukkan beberapa kemajuan hasil daripada perkembangan di sektor-sektor utama ekonomi. Sektor ini di masa-masa lepas memainkan peranan sebagai sektor penyokong yang hanya berkembang selaras dengan perkembangan sektor-sektor lain dalam ekonomi. Sektor-sektor perkhidmatan tradisi seperti pengangkutan, perjalanan dan insuran, kewangan dan bank hanya dapat memenuhi keperluan dalam negeri dan tahap kecanggihannya masih ketinggalan berbanding

dengan kemajuan di peringkat antarabangsa.

2.79 Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian ialah peningkatan bidang-bidang perkhidmatan yang tidak bergantung kepada perkembangan sektor utama, seperti industri riadah, pelancongan, pendidikan dan kesihatan yang disediakan oleh sektor swasta dan lain-lain perkhidmatan yang seumpamanya. Tambahan pula, bidang-bidang yang baru muncul yang dapat memberi pulangan yang tinggi seperti perkhidmatan juruperunding, teknologi maklumat dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas telah berkembang agak perlahan. Perkhidmatan ini bukan sahaja diperlukan untuk memenuhi permintaan dalam negeri, tetapi juga harus dapat dieksport bagi tujuan mengurangkan defisit akaun sektor perkhidmatan dalam akaun imbangan pembayaran.

2.80 Pembangunan ekonomi yang berkekalan juga memerlukan asas S&T serta P&P yang kukuh. Perbelanjaan tahunan bagi P&P yang kurang daripada satu peratus daripada KNK adalah tidak setanding dengan lain-lain negara perindustrian.

Tambahan pula, sumbangan sektor swasta kepada usaha ini masih lagi kecil iaitu hanya kira-kira 15 peratus dari jumlah keseluruhan perbelanjaan P&P. Di samping itu, kebanyakan kerja-kerja penyelidikan yang mempunyai nilai komersil yang dijalankan oleh institusi penyelidikan Kerajaan tidak dapat dimunafaatkan oleh sektor swasta untuk dijadikan projek komersial yang berdaya maju.

IV : PENUTUP

2.81 Arah pertumbuhan yang telah dirintis oleh negara dalam tempoh dua dekad yang lalu adalah amat membanggakan walaupun banyak rintangan yang terpaksa dilalui terutama semasa kemelesetan pada pertengahan dekad lapan puluhan. Kejayaan yang dicapai selama ini adalah hasil dari sumbangan semua rakyat Malaysia yang telah sanggup berkorban dan berusaha gigih dalam menghadapi cabaran. Dekad akan datang adalah lebih mencabar lagi terutama sekali apabila negara kita maju kehadapan demi untuk mengekalkan kejayaan yang dicapai. Ini memerlukan setiap rakyat Malaysia bersikap lebih dedikasi dan berdisiplin demi untuk melicinkan proses membina negara dan mempercepatkan pencapaian objektif perpaduan negara

BAHAN BACAAN TAMBAHAN

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG (RRJP) DAN RANCANGAN MALAYSIA (RM)

Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP)

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) meliputi tempoh 1971-90 kini telah tamat. Di bawah rangka ini, Kerajaan telah melaksanakan empat rancangan pembangunan bermula dengan Rancangan Malaysia Kedua (1971-75) hingga Rancangan Malaysia Kelima (1986-90).Rancangan-rancangan pembangunan ini telah dilaksanakan di bawah rangka Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1970, berikutan daripada peristiwa rusuhan kaum pada tahun 1969.Dasar ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama kearah mencapai matlamat perpaduan di

kalangan kaum di Negara ini.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang meliputi tempoh 1991-2000 telah digubal berdasarkan kepada dasar yang dikenali sebagai Dasar Pembangunan Baru (DPB). DPB akan memperkuuhkan lagi pencapaian di sepanjang RRJP1 untuk mempercepatkan proses membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam usaha memperbaiki lagi ketidakseimbangan sosial dan ekonomi. Ia merupakan satu rangka dasar yang lebih luas bagi mencapai matlamat sosio-ekonomi untuk tempoh sepuluh tahun akan datang dalam konteks perkembangan ekonomi yang pesat. Semasa menggubal DPB, Kerajaan telah menimbangkan pandangan dan cadangan berbagai pihak termasuk Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara mengenai dasar negara selepas 1990.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang merupakan pembangunan dekad kedua Wawasan 2020 menumpukan kepada meningkatkan keutuhan dan daya saing negara. Dalam tempoh ini, usaha akan dilaksana untuk mempertingkatkan kualiti pembangunan dan menjana pertumbuhan tinggi yang mampan supaya semua rakyat dapat menikmati kemakmuran. Perpaduan Negara akan terus menjadi tonggak pembangunan dan kepelbagaiannya masyarakat Malaysia dari segi kumpulan etnik, bahasa, budaya dan agama akan diambil kira dalam memupuk sebuah masyarakat yang lebih harmoni, bertolak ansur dan dinamik. Dasar pembangunan sosioekonomi yang telah menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat akan terus diberikan keutamaan.

Peringkat 3 :

Rangka Rancangan Jangka Panjang 2 (RRJP2)

- Misi utama:
 - a) Penurunan kadar kemiskinan daripada 17.1% pada tahun 1990 kepada 7.2% pada tahun 2000.
 - b) Penurunan kadar pengangguran pada kadar 7%.
 - c) Pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 7%.
- Pada tahun 1991, kerajaan melancarkan;
 - a) Wawasan 2020.
 - b) Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP) Dasar Pembangunan Nasional (DPN).
 - c) Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6)

4.5 RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA FASA KETIGA

- Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) - (1991 – 2000) atau DPN (Dasar Pembangunan Nasional).
 - Dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991 – 1995) dan berakhir dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000).
 - Matlamat DEB untuk mewujudkan perpaduan negara masih diteruskan.
 - Fokus DPN meliputi etnik-etnik yang ada, golongan kaya dan miskin dan antara wilayah.
- Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRPJ3) - (2001 – 2010) atau DWN (Dasar Wawasan Negara) - (2001 – 2020)
 - Dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001 – 2005) dan akan berakhir dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010).
 - Wujud Dasar Wawasan Negara (DWN) iaitu gabungan DEB dan DPN - menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dalam semua bidang mengikut coraknya yang tersendiri.
 - Matlamat utama untuk mencapai perpaduan nasional diteruskan dengan tumpuan terhadap usaha membasmikan kemiskinan yang meliputi semua kaum, penyusunan semula masyarakat dan pembangunan yang seimbang antara kaum dan wilayah.

Rancangan Malaysia (RM)

Rancangan Malaysia merupakan rancangan lima tahun pembangunan kerajaan Malaysia. Rancangan lima tahun ini merupakan kesan peninggalan daripada zaman pemerintah British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Rancangan lima tahun bermula dengan Rancangan Malaya Pertama, iaitu, dari tahun 1956 hingga 1960. Selepas itu disambung dengan Rancangan Malaya Kedua dari tahun 1961 hingga 1965.

Setelah penubuhan Malaysia pada tahun 1963, rancangan lima tahun ini telah ditukar kepada Rancangan Malaysia (RM) dengan Rancangan Malaysia Pertama bermula pada tahun 1966 hingga 1970. Bezanya ialah perancangan ekonomi sebelum tertubuhnya Malaysia, tumpuan untuk kali ini dan seterusnya adalah untuk seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

RANCANGAN MALAYA PERTAMA (1956-1960)

OBJEKTIF/MATLAMAT :

Memajukan sektor luar bandar bagi menambahkan pendapatan penduduk luar bandar serta mengurangkan kadar kemiskinan.

Mempelbagaikan sumber negara dan mengurangkan kebergantungan kepada sektor tertentu (khususnya timah dan getah)

PELAKSANAAN/KEJAYAAN :

Penubuhan 2 agensi kerajaan :

Rural Industrial Development Authority (RIDA) pada tahun 1953

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Kedua-duanya berperanan memajukan ekonomi luar bandar dan mempertingkatkan taraf hidup penduduk luar bandar

RANCANGAN MALAYA KEDUA (1961-1965)

OBJEKTIF/MATLAMAT :

Memperbaiki kemudahan asas & infrastruktur luar bandar.

Menggiatkan projek-projek pembukaan tanah dan petempatan baharu di bawah FELDA

Mempelbagaikan jenis tanaman supaya import makanan dari luar dapat dikurangkan.

Membantu petani-petani memasarkan hasil pertanian mereka & mengurangkan pergantungan kepada orang tengah

PELAKSANAAN/KEJAYAAN :

Penyertaan lebih ramai rakyat dalam rancangan-rancangan pembangunan

Peruntukan pembangunan ditambah dua kali ganda daripada peruntukan Rancangan Malaya Pertama.

Bilik-bilik gerakan dibuka di seluruh negara

RANCANGAN MALAYSIA PERTAMA (1966-1970)

OBJEKTIF/MATLAMAT :

Memberi tumpuan kepada aspek integrasi nasional dalam kalangan penduduk Malaysia (Tanah Melayu, Sabah & Sarawak).
Penekanan terhadap pembangunan sumber manusia & kepelbagaiannya dalam pembangunan ekonomi.

PELAKSANAAN/KEJAYAAN :

Beberapa buah agensi kerajaan telah ditubuhkan :
Majlis Amanah Rakyat (MARA) 1966
Bank Bumiputra 1966
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) 1967
Lembaga Penasihat Tarif & Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) 1969

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA (1971-1975)

OBJEKTIF/MATLAMAT :

Mengatasi & memperbaiki ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum akibat kejadian peristiwa 13 Mei 1969

PELAKSANAAN/KEJAYAAN :

Penganalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan matlamat membasmi kemiskinan & menyusun semula masyarakat bagi mengelakkan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Penubuhan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) 1974

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA (1976-1980)

OBJEKTIF/MATLAMAT :

Merupakan peringkat kedua pelaksanaan DEB. Usaha dilakukan bagi mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah dengan mewujudkan bandar-bandar baru.

Penekanan kepada isu alam sekitar & keselamatan negara.

PELAKSANAAN/KEJAYAAN :

Sebanyak 28 buah bandar dibina di bawah rancangan KEJORA, KETENGAH, DARA pada tahun 1980.

Badan-badan berkanan seperti MARA, FELDA, PERNAS, UDA & RISDA meneruskan usaha-usaha pembangunan.

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (1981-1985)

OBJEKTIF/MATLAMAT :

Tumpuan diberikan kepada sektor pertanian di luar bandar.
Sektor baru diperkenalkan, iaitu sektor perusahaan berat yang berasaskan pelaburan modal.

PELAKSANAAN/KEJAYAAN :

Penubuhan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM).
Membuka kawasan perindustrian baru seperti Senawang, Skudai, Bintulu, Menggatal & Likas.
Membuka kawasan perdagangan bebas seperti Bayan Lepas.
Memperkenalkan program 'Kajian Dasar Perindustrian Malaysia & Pelan Induk Industri (PIP)'.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (1986-1990)

OBJEKTIF/MATLAMAT :

Mencapai perpaduan negara.
Mencapai objektif DEB.
Meningkatkan peranan sektor swasta dari aspek hak milik syarikat, perlesenan & aktiviti ekonomi yang lain.
Meningkatkan pelaburan asing terutamanya sektor eksport.
Menggalakkan sektor pertanian & luar bandar.

PELAKSANAAN/KEJAYAAN :

Menekankan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan pendapatan dan kekurangan guna tenaga.
Pembangunan sumber manusia dalam aspek latihan kemahiran, pengurusan, keusahawanan, pembinaan, perhotelan dan perkapalan.
Menubuhkan Perbadanan Pelancongan Malaysia.
Memperkenalkan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990

**Login to andrewchoo.edu.my for more details and get
your copy of the exam tips book
with sample questions & answers.**